



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PANDANGAN GURU-GURU YANG MENGAJAR  
DI SEKOLAH KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN  
TERHADAP RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU**

**ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN**

**FPP 1997 28**

**PANDANGAN GURU-GURU YANG MENGAJAR  
DI SEKOLAH KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN  
TERHADAP RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU**

**ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
1997**



*Selamat datang di dunia ilmu pengetahuan*

**PANDANGAN GURU-GURU YANG MENGAJAR  
DI SEKOLAH KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN  
TERHADAP RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU**

**Oleh**

**ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN**

**Kertas Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat keperluan Ijazah Master Sains  
di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**September, 1997**

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan hidayahNya telah memberi kekuatan kepada penulis menyiapkan kertas perojek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr Hjh Zaidatol Akmaliah Lope Pihie selaku penyelia projek yang telah membimbing penulis sehingga siapnya projek ini. Terima kasih juga disampaikan kepada En Mohd Siraj Awang, Ketua Unit Pendidikan Khas, Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK) dan Jawatankuasa Penyelidikan MPIK, Puan Kamaliah, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, kerana dengan bantuan mereka juga telah memberi manfaat terhadap pembentukan soalselidik dan maklumat penyediaan penyelidikan ini.

Penulis juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, semua Guru Besar, dan guru-guru yang telah memberi sepenuh kerjasama sepanjang perlaksanaan kajian ini.

Kepada semua pensyarah dan staf sokongan di Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah membimbing dan membantu penulis sepanjang mengikuti pengajian Pentadbiran Pendidikan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, disampaikan setinggi penghargaan.

Segala pengorbanan dan sokongan daripada isteri dan anak-anak tersayang, serta dorongan daripada aruah ayahanda semasa beliau hidup, telah memberi semangat kepada penulis untuk menyelesaikan pengajian di Universiti Putra Malaysia.

Kepada semua yang terlibat dengan penyediaan projek ini tetapi tidak dinyatakan nama mereka, penulis ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih. Alhamdulillah.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
PENGHARGAAN.....	i
SENARAI KANDUNGAN.....	ii
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI RAJAH .....	x
SENARAI SINGKATAN .....	xi
ABSTRAK.....	xii
ABSTRACT.....	xiv
<b>BAB I              Pendahuluan .....</b>	<b>1</b>
1.1     Pengenalan .....	1
✓ 1.1.1   Keperluan Rancangan Pendidikan Individu di Sekolah-sekolah Khas .....	1
✓ 1.1.2   Kepentingan Rancangan Pendidikan Individu .....	2
✓ 1.1.3   Sekolah Rendah Khas Bermasalah Pembelajaran .....	4
✓ 1.2     Pernyataan Masalah .....	5
1.3     Objektif Kajian .....	8
1.4     Persoalan Kajian .....	8
1.5     Kepentingan Kajian .....	9
1.6     Batasan Kajian .....	10
1.7     Definisi Operasional .....	11
1.7.1   Guru-guru .....	11
1.7.2   Sekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran....	12

	<b>Halaman</b>
1.7.3 Rancangan Pendidikan Individu (RPI) .....	12
<b>BAB II                          Sorotan Penulisan Berkaitan .....</b>	<b>13</b>
2.1 Pengenalan .....	13
2.2 Perlaksanaan Rancangan Pendidikan Individu di Sekolah .....	13
2.3 Aliran Penyediaan RPI .....	19
2.4 Penglibatan Ahli Jawatankuasa RPI .....	21
2.5 Kandungan RPI .....	22
2.6 Dapatan Beberapa Kajian RPI.....	25
2.7 Rumusan .....	26
<b>BAB III                          Kaedah dan Prosedur Penyelidikan .....</b>	<b>28</b>
3.1 Rekabentuk Penyelidikan .....	28
3.2 Subjek Kajian .....	29
3.3 Tempat Kajian .....	30
3.4 Instrumen Kajian .....	31
3.4.1 Set Soal Selidik .....	31
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan .....	32
3.6 Kaedah Penyelidikan .....	33
3.7 Pengumpulan Data .....	34
3.8 Penganalisaan Data .....	34
<b>BAB IV                          Dapatan Kajian .....</b>	<b>37</b>
4.1 Pengenalan .....	37

Halaman

<b>4.2 Profil Responden .....</b>	<b>37</b>
4.2.1 Jantina .....	38
4.2.2 Jawatan Guru .....	38
4.2.3 Kategori Guru .....	39
4.2.4 Latihan Keguruan .....	39
4.2.5 Lama Bertugas di Kelas Pendidikan Khas .....	40
4.2.6 Latihan Dalam Bidang PendidikanKhas .....	41
4.2.7 Lokasi Sekolah dan Jumlah Guru yang Terlibat dalam Kajian .....	42
<b>4.3 Syarat dan Dasar Pembentukan RPI .....</b>	<b>43</b>
4.3.1 RPI Sebagai Dokumen Wajib .....	44
4.3.2 RPI Untuk Setiap Pelajar Khas .....	45
4.3.3 Guru Kelas Menyediakan RPI .....	46
4.3.4 Tanggungjawab Jawatankuasa RPI.....	47
4.3.5 RPI Disiapkan Mengikut Jangkamasa .....	48
4.3.6 RPI Sebagai Dokumen Sulit .....	49
4.3.7 Penilaian Semula RPI .....	50
4.3.8 Format RPI .....	51
<b>4.4 Maklumat Asas RPI .....</b>	<b>52</b>
4.4.1 Tahap Pencapaian Pembelajaran Pelajar Terkini .....	54
4.4.2 Matlamat Program Pembelajaran Jangka Panjang .....	55
4.4.3 Perkhidmatan Pendidikan Khas .....	56
4.4.4 Objektif Pembelajaran Jangka Pendek .....	57

	<b>Halaman</b>
4.4.5 Lokasi Perkhidmatan .....	58
4.4.6 Prosedur Penilaian .....	59
4.4.7 Perkhidmatan Sokongan .....	60
4.4.8 Jangkamasa Perkhidmatan .....	61
<b>4.5 Penglibatan Ibubapa .....</b>	<b>62</b>
4.5.1 Merujuk Rekod Pelajar oleh Ibubapa .....	64
4.5.2 Kerjasama Ibubapa dan Jawatankuasa RPI .....	65
4.5.3 Jemputan Ibubapa ke Mesyuarat RPI .....	65
4.5.4 Memaklumkan Ibubapa Berkaitan Mesyuarat RPI .....	66
<b>4.6 Bentuk Jawatankuasa RPI .....</b>	<b>66</b>
4.6.1 Guru Panitia Sebagai Ahli Jawatankuasa RPI .....	68
4.6.2 Pihak Yang Terlibat Dalam Jawatankuasa RPI .....	69
4.6.3 Penglibatan Ibubapa Secara Aktif .....	70
4.6.4 Guru Besar Sebagai Pengurus Jawatankuasa RPI .....	70
4.6.5 Jawatankuasa Pelbagai Disiplin .....	72
<b>4.7 Latihan RPI .....</b>	<b>73</b>
4.7.1 Nota Panduan Penyediaan RPI .....	75
4.7.2 Jangkamasa Latihan RPI .....	76
4.7.3 Arahan Dan Panduan RPI .....	76
4.7.4 Kekurangan Latihan Amali .....	77
<b>4.8 Kekerapan Merujuk RPI .....</b>	<b>78</b>

	<b>Halaman</b>
<b>4.9 Rumusan.....</b>	<b>79</b>
<b>BAB V Perbincangan, Kesimpulan, dan Cadangan .....</b>	<b>82</b>
5.1 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah .....	82
5.2 Objektif Kajian .....	83
5.3 Kaedah Kajian, Batasan Kajian, Subjek Kajian, Tempat Kajian, Alat Kajian, Kaedah Kajian Dijalankan, Pengumpulan Data, dan Analisis .....	84
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian .....	85
5.5 Perbincangan .....	86
5.6 Cadangan .....	91
5.7 Penutup .....	96
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>97</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
A Soal Selidik .....	101
B Contoh RPI .....	109
C Surat-surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan .....	194
<b>VITA .....</b>	<b>197</b>

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1. Nama Sekolah Dan Jumlah Guru Yang Terlibat Dalam Kajian .....	30
2. Taburan Bilangan Dan Peratus Responden Mengikut Jantina .....	38
3. Taburan Bilangan Dan Peratus Jenis Jawatan Guru Di Kelas Khas Bermasalah Pembelajaran .....	38
4. Taburan Bilangan Dan Peratus Kategori Guru Mengikut Latihan Pendidikan Khas .....	39
5. Taburan Bilangan dan Peratus Guru Yang Mengikuti Latihan Keguruan ..	40
6. Taburan Bilangan Dan Peratus Jangkamasa Guru Bertugas Di Kelas Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran .....	40
7. Taburan Bilangan Dan Peratus Guru Yang Mengikuti Latihan Pendidikan Khas .....	41
8. Taburan Bilangan Dan Peratus Guru Mengikut Sekolah .....	42
9. Syarat-Dasar RPI .....	44
10. RPI Sebagai Dokumen Wajib .....	45
11. Tahap Persetujuan Guru Terhadap RPI Sebagai Dokumen Wajib .....	45
12. RPI Disediakan Untuk Setiap Pelajar .....	46
13. Tahap Persetujuan RPI disediakan Untuk Setiap Pelajar .....	46
14. Guru Menyediakan RPI Untuk Pelajar .....	46
15. Tahap Persetujuan Guru Menyediakan RPI Untuk Setiap Pelajar .....	47
16. Jawatankuasa RPI Bertanggungjawab Menghasilkan RPI .....	47
17. Tahap Persetujuan Guru Terhadap Tanggungjawab Jawatankuasa RPI ....	48
18. RPI Disediakan Mengikut Jangka Masa Dipersetujui Jawatankuasa RPI ...	48

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
19. Tahap Persetujuan Guru Terhadap RPI Sebagai Dokumen Wajib .....	49
20. RPI Diklasifikasikan Sebagai Dokumen Sulit .....	49
21. Tahap Persetujuan Guru Terhadap RPI Sebagai Dokumen Sulit .....	50
22. RPI Dinilai Semula Sekurang-kurangnya Sekali Setiap Tahun .....	51
23. Tahap Persetujuan RPI Dinilai Semula Sekali Setiap Tahun .....	51
24. Format RPI Yang Sama Bagi Setiap Sekolah .....	52
25. Tahap Persetujuan Format RPI Yang Sama Di Setiap Sekolah .....	52
26. Maklumat RPI .....	53
27. Bilangan Dan Peratus Maklumat Pencapaian Pembelajaran Terkini Yang Perlu Direkodkan Dalam RPI .....	55
28. Rekod Pencapaian Pembelajaran Terkini Dalam RPI .....	55
29. Bilangan Dan Peratus Maklumat Program Jangka Panjang .....	56
30. Maklumat Program Jangka Panjang .....	56
31. Bilangan Dan Peratus Mengenai Laporan Terkini Tahap Pencapaian Pelajar .....	57
32. Min dan sd Mengenai Laporan Terkini Tahap Pencapaian Pelajar .....	57
33. Bilangan Dan Peratus Berkaitan Objektif Pembelajaran Jangka Pendek .....	58
34. Min dan sd Berkaitan Objektif Pembelajaran Jangka Pendek .....	58
35. Bilangan Dan Peratus Berkaitan Pernyataan Lokasi Perkhidmatan Khas Dalam RPI .....	59
36. Min dan sd Lokasi Perkidmatan Khas Dalam RPI .....	59
37. Bilangan Dan Peratus Bagi Penentuan Prosedur Penilaian Direkod Dalam RPI Pelajar .....	60

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
38. Min dan sd Penentuan Prosedur Penilaian Dalam RPI .....	60
39. Bilangan dan Peratus Penentuan Jenis Perkhidmatan Sokongan Dinyatakan Dalam RPI .....	61`
40. Min dan sd Bagi Penentuan Jenis Perkhidmatan Sokongan Dalam RPI ...	61
41. Tahap Bilangan dan Peratus Guru Mengikut Penentuan Jangkamastra Perkhidmatan Yang Diberikan Kepada Pelajar .....	62
42. Min dan sd Berkaitan Pernyataan Catatan Jangka Masa Perkhidmatan ...	62
43. Bilangan Dan Peratus Bentuk Penglibatan Ibubapa .....	63
44. Kedudukan min dan sd Mengikut Penglibatan Ibubapa .....	65
45. Miin dan sd Mengikut Bentuk Penglibatan Jawatankuasa RPI .....	67
46. Tahap Bilangan, Peratus, dan min Berkaitan Bentuk Jawatankuasa RPI ..	68
47. Tahap Bilangan, Peratus, dan min Berkaitan Semua Pihak Yang Terlibat Dalam Jawatankuasa RPI .....	69
48. Tahap Bilangan, Peratus, dan min Berkaitan Peranan Ibubapa Dalam Jawatankuasa RPI .....	70
49. Tahap Bilangan, Peratus, dan min Berkaitan Pengurus, Jawatankuasa RPI .....	71
50. Tahap Bilangan, Peratus, dan min Berkaitan Jawatankuasa Pelbagai Disiplin Menentukan Tahap Penaksiran .....	72
51. Bilangan, Peratus, min, dan Sisihan Piawaian; Berkaitan Latihan RPI .....	74
52. Bilangan (kekerapan) dan Peratus Guru Merujuk RPI .....	78

## **SENARAI RAJAH**

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1.     Ukuran Tahap Mengikut Kiraan Min	35

## **SENARAI SINGKATAN**

AS	=	Amerika Syarikat
IEP	=	Individualized Education Program
LRE	=	Least Restrictive Environment
MPIK	=	Maktab Perguruan Ilmu Khas
NCP	=	Negotiated Curriculum Plan
PKH	=	Persekutaran Kurang Halangan
RPI	=	Rancangan Pendidikan Individu
sd	=	Standard Deviation

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan  
untuk dianugerahkan Ijazah Master Sains

**PANDANGAN GURU-GURU YANG MENGAJAR  
DI SEKOLAH KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN  
TERHADAP RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU**

oleh

**ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN**

September, 1997

**Penyelia : Profesor Madya Dr. Hjh Zaidatul Akmaliah bt Lope Pihie, PhD.**

Tinjauan kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan mengenalpasti pandangan guru-guru sekolah khas mengenai (i) ciri-ciri utama dasar RPI (ii) butiran yang perlu direkodkan dalam RPI (iii) bentuk Jawatankuasa RPI (iv) bentuk penglibatan dan kerjasama antara guru-ibubapa dalam Jawatankuasa RPI dan (v) pandangan guru terhadap kursus RPI yang mereka ikuti (vi) kekerapan guru merujuk RPI

Kajian ini telah dijalankan di semua sekolah rendah khas bermasalah pembelajaran di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Kaedah tinjauan ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden. Seramai 209 orang guru yang sedang mengajar di 14 buah sekolah-sekolah ini, terlibat sebagai subjek kajian. Data yang diperolehi daripada mereka telah dianalisis mengikut bilangan, peratus, dan ukuran kecenderungan memusat.

Hasil daripada tinjauan ini mendapat (i) penerimaan tahap tinggi berkaitan syarat utama seperti peruntukan PL94-142 (ii) perlunya kandungan RPI yang menyeluruh dan ditentukan secara kolektif (iii) penglibatan ibubapa secara aktif dalam Jawatankuasa RPI (iv) perlunya penglibatan semua pihak yang memberi perkhidmatan khas (v) kursus dan

jangkamasa latihan RPI tidak mencukupi (vi) kurangnya guru merujuk semula RPI yang disediakan.

Berpandukan dapatan tinjauan adalah dicadangkan supaya (i) pendidik khas mengguna syarat-dasar RPI dalam peruntukan PL94-142 sebagai panduan asas pengubahsuaian dan pembentukan RPI bagi sekolah khas bermasalah pembelajaran di Malaysia (ii) memilih kandungan program yang berketerpaduan dengan keperluan pemuliharan kerencatan pelajar secara individu (iii) menggalakkan ibubapa bekerjasama secara aktif bersama guru dalam pembentukan RPI (iv) menentukan semua pihak yang terlibat sebagai pemberi khidmat khas dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa RPI untuk menyediakan program pembelajaran kepada pelajarnya (v) meningkatkan kualiti nota edaran dan menambah jangkamasa kursus RPI (vi) menggalakkan guru khas lebih kerap merujuk dan mengemaskini kandungan RPI.

Abstract of the project presented to the Faculty of Educational Studies,  
University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the  
Degree of Master of Science

**PERCEPTION OF TEACHERS TEACHING IN SPECIAL EDUCATION  
LEARNING DISABILITIES SCHOOLS TOWARDS  
INDIVIDUALIZED EDUCATION PROGRAM**

by

**ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN**

Supervisor : Assosiate Professor Dr. Hjh Zaidatol Akmaliah bt Lope Pihie, Ph.D.

The survey aims to gather information and to determine teachers' perceptions on (i) the basic principles to be adopted in producing Individualized Education Program (IEP) (ii) the necessary information that should be recorded in the students' IEP (iii) the conditions for the implementation of the IEP Committee (iv) the extent of cooperation and involvement between parents and teachers in the IEP Committee (v) the IEP courses they have attended (iv) the frequencies that the IEP being referred to by special education teachers (v) special education teachers profiles.

This survey was carried out in Special Education (Learning Disabilities) Elementary Schools in Kuala Lumpur. Method used in this survey was in the form of questionaires. The questionares were given to 209 teachers who were teaching in 14 special education learning disabilities' schools. Data collected from the subjects were analysed in terms of frequency, percentage, and the measurement of central tendency.

Findings indicated that (i) there were high acceptance from the subjects on the basic principles based on PL94-142. (ii) the IEP contents should be comprehensive and decided upon collectively. (iii) all involved in providing special education services should be involved in producing the IEP (iv) the IEP short courses attended and information received were inadequate (v) very few special education teachers had made frequent refernces to the IEP (vi) and many untrained teachers are teaching in special education classes.

Based on this survey it is suggested that (i) special education teachers should be encouraged to adapt the IEP's conditions stated forth in the Public Law 94-142 (ii) to select the IEP contents so that they are suitable according to student's individual needs. (iii) to encourage teachers and parents to work together in IEP meetings. (iv) all teachers involved teaching the special education children should participate in their student's committee meetings. (vi) to impove the quality on IEP handouts and to extend the RPI courses' duration. (vi) to encourage and increase the freguencies for special education teachers to refer and to update their students' IEP

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

##### 1.1.1 Keperluan Rancangan Pendidikan Individu di Sekolah-sekolah Khas

Pendidikan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas sama seperti kanak-kanak lain, mereka juga memerlukan perancangan dan perlaksanaan program yang berkesan dan bersesuaian dengan keperluan individu bagi meningkatkan pengalaman belajar (Renault, 1993; Bahagian Sekolah, 1991; Sylvia & Ysseldyke, 1991). Sehubungan dengan itu terdapat juga “Deklarasi Dunia mengenai Pendidikan untuk Semua” yang menyarankan pembentukan kurikulum berpusatkan keperluan pelajar (UNESCO, 1994). Guru-guru di Malaysia khususnya guru berkeperluan khas hendaklah juga menyesuaikan rancangan kurikulumnya mengikut ketidakupayaan dan kemampuan pelajarnya (Akta Pendidikan 1996). Perancangan pembelajaran yang berpusatkan kepada individu amat ditekankan samada kepada pelajar yang tidak berkeupayaan atau berkeupayaan (Strickland & Turnbull, 1990). Ini kerana kunci kepada pengajaran yang baik adalah berbentuk individu dan mengikut keperluan individu (Woelry, Bailey, & Sugai, 1988). Bagi memenuhi keperluan perkembangan dan pencapaian individu, bergantung juga kepada pengaruh dan persekitaran tempat pertumbuhan individu

berkenaan (Report, 1989). Rancangan Pendidikan Individu (RPI) yang dikemukakan ini merupakan dokumen perancangan pembelajaran yang mandatori dan perlu disediakan kepada pelajar khas sebagai mana terkandung di dalam peruntukan PL94-142 (1975) di Amerika Syarikat (Renault, 1993; Strickland & Turnbull, 1990) dan Australia (Ashman & Elkins, 1990). Di Malaysia juga RPI merupakan dokumen panduan pembelajaran yang perlu disediakan untuk setiap murid di sekolah-sekolah khas (Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan, 1990).

### **1.1.2 Kepentingan Rancangan Pendidikan Individu**

Syor peristiwaran di Salamanca (UNESCO, 1994), Bahagian 3, menggesa semua kerajaan mewujudkan mekanisma penglibatan untuk merancang, memantau dan menilai peruntukan pendidikan kepada kanak-kanak dengan keperluan khas boleh diguna pakai sebagai panduan perlaksanaan RPI di sekolah-sekolah khas di Malaysia. Amerika Syarikat pula menekankan kepentingan perlaksanaan RPI secara khusus melalui pernyataannya dalam ketetapan perundangan PL94-142 (*The Education of All Handicapped Children Act, 1975*). Dari segi perundangan berasaskan Akta Pendidikan Malaysia 1996 pula, tidak mencatat secara khusus istilah atau peruntukan khas mengenai Rancangan Pendidikan Individu. Tetapi dari beberapa pernyataan yang terkandung di dalam Akta Pendidikan 1996, seperti di Bab 8 Seksyen 41(b) mencatatkan “Kurikulum yang hendaklah digunakan berhubungan dengan pendidikan khas.” Seksyen yang sama,

pada para 41(3) pula melanjutkan panduan mengenai kurikulum melalui perundangan dengan menjelaskan “Kurikulum yang ditetapkan di bawah perenggan (1b) hendaklah mematuhi kehendak Kurikulum Kebangsaan setakat yang semunasabahnya praktik.” Ini bermakna kurikulum untuk kanak-kanak khas perlulah berasaskan Kurikulum Kebangsaan dengan pengubahsuaian mengikut kepentingan, keupayaan, dan keperluan pelajar.

RPI menyediakan dua faedah utama, iaitu sebagai rancangan bertulis yang disediakan khusus untuk setiap pelajar dan keduanya sebagai alat pengurusan bagi keseluruhan proses penaksiran pengajaran. Selain daripada itu banyak juga faedah lain yang boleh diperolehi dengan penyediaan RPI. Seksyen 612(5) (B) PL94-142 (Salvia & Ysseldyke, 1991) menetapkan seboleh yang mampu pelajar-pelajar yang tidak berkeupayaan ini ditempatkan dalam situasi yang menyokong proses pembelajaran semaksima yang mungkin supaya mereka berpeluang berinteraksi bersama pelajar-pelajar lain yang tiada kecacatan. Kongres Amerika melalui PL94-142 Seksyen 615 menetapkan prosedur bahawa sekolah dan kakitangan sekolah perlu mengikuti proses keadilan apabila membuat keputusan, terutamanya menentukan persekitaran yang dapat memberi kesan kepada pembelajaran pelajar.

Ibubapa atau penjaga juga diberi peluang bersama secara aktif, untuk mengemukakan pandangan atau bantahan mereka dalam pembentukan program pembelajaran untuk kebaikan anak mereka sendiri. Mereka berpeluang meneliti rancangan dan memeriksa rekod anaknya yang

disimpan di sekolah dan berhak membantah mana-mana catatan yang dianggap tidak sepatutnya disertakan di dalam rekod berkenaan (Roach, 1994). Ibubapa atau penjaga juga berhak menerima pernyataan bertulis sebelum mana-mana institusi pendidikan memulakan sebarang penilaian yang bertujuan memutuskan penempatan pembelajaran pelajar (Michigan, 1987)

### **1.1.3 Sekolah Rendah Khas Bermasalah Pembelajaran**

Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri telah melaksanakan program pendidikan kanak-kanak bermasalah pembelajaran mulai tahun 1988 (Surat Bahagian Sekolah Bil: KP(BS-PK)8501/PPK/Jld.iii (31), 31 Oktober, 1991 dalam Unit Pendidikan Khas, 1992). Sehingga April tahun 1997, Kementerian Pendidikan meluluskan penubuhan sebanyak 129 buah sekolah rendah khas bermasalah pembelajaran dalam bentuk sekolah integrasi/bercantum. Sekolah integrasi mengikut Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia bermaksud kanak-kanak khas belajar di bangunan yang berlainan tetapi dalam kawasan sekolah yang sama dengan kanak-kanak aliran biasa. Seramai 2701 pelajar sekolah rendah bermasalah pembelajaran diberi perkhidmatan di 396 buah bilik darjah khas dengan mendapat bimbingan daripada 604 orang guru (termasuk guru terlatih pendidikan khas, guru terlatih tanpa pendidikan khas, guru sandaran tanpa latihan/dalam latihan masa cuti). Guru terlatih dengan kelulusan latihan pendidikan khas yang mengajar di sekolah-sekolah rendah bermasalah

pembelajaran sekarang berjumlah 30.96%. Ini bermakna seramai 69.04% guru tanpa sijil pendidikan khas mengajar kanak-kanak bermasalah pembelajaran di sekolah rendah khas kerajaan (Jabatan Pendidikan Khas, 1997).

Buat masa ini sekolah-sekolah rendah khas bermasalah pembelajaran di Malaysia tidak mempunyai peruntukan jawatan staf bukan akademik atau guru-guru dengan kepakaran khusus seperti ahli terapi pertuturan, ahli terapi fizikal, ahli psikologi sekolah, jururawat sepenuh masa, atau staf bukan akademik seperti kerani dan pembantu guru. Melalui temubual dan pemerhatian, pengkaji mendapati sebahagian besar kerja pengkhususan profesional, sparaprofesional, dan tidak profesional samada tugas akademik atau pentadbiran dilakukan secara bekerjasama di kalangan guru-guru di kelas khas sendiri dengan mendapat bimbingan yang minima daripada pentadbiran sekolah.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Hasil temubual bersama Dr Noraini (1997), seorang pensyarah Pendidikan Khas UKM (UKM menawarkan kursus Sarjana Muda Pendidikan Khas) melalui pemerhatian dan lawatan, beliau mendapati perlaksanaan RPI di sekolah-sekolah sekarang dalam keadaan “tenat”. Pandangan ini hampir sama dengan apa yang pernah dikemukakan oleh En Mohd Siraj bin Awang (1996), Ketua Jabatan Pendidikan Khas, MPIK (hanya MPIK menawarkan kursus Pendidikan Khas pada peringkat maktab perguruan di Malaysia) juga sependapat dengan Dr Noraini. En

Mohd Siraj menambah beliau telah mengendalikan beberapa bengkel jangka pendek mengenai pendedahan RPI kepada Guru-guru Besar, Penyelaras Pendidikan Khas, dan guru-guru khas, dan beliau mendapati masih banyak sekolah yang belum menyediakan RPI. Bagi sekolah-sekolah yang menyediakan RPI pula, beliau menganggap pengetahuan mereka belum sampai ke tahap memuaskan.

Kekurangan atau ketiadaan polisi pembentukan RPI dari Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan (Kamaliah, 1997) juga merupakan masalah utama. Terdapat hanya satu kertas kerja berkaitan RPI yang dibentangkan oleh Unit Pendidikan Khas, Bahagian Sekolah dalam satu mesyuarat pembentukan KBSR-KBSM (KP BS-PK)/JK.KBSR/KBS. Jld.1(6). Walaupun begitu beberapa panduan RPI telah dikemukakan dalam berbagai versi, yang disediakan oleh beberapa orang penceramah dalam kursus-kursus jangka pendek. Panduan tersebut dihasilkan berasaskan pengalaman mereka yang pelbagai dan latar belakang mereka yang berbeza. Salah faham dan kekurangan input juga mungkin berlaku disebabkan kursus-kursus RPI yang diadakan untuk guru-guru itu disampaikan dalam jangka waktu yang amat singkat (Mohd Siraj, 1997).

Kepelbagaiannya pendapat dan pandangan tanpa penyelarasan atau penentuan dasar daripada peringkat pusat akan menyebabkan kesukaran, kerana 80% guru-guru yang sedang mengajar kanak-kanak pendidikan khas bermasalah pembelajaran, tidak mempunyai sebarang latihan formal dalam pendidikan khas. Maklumat yang guru-guru perolehi mengenai RPI lebih merupakan pengalaman dan latihan yang dialami sendiri oleh penceramah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini tanpa dasar RPI dari peringkat pusat akan menyebabkan masalah bagi

mengukur penghasilan RPI dan menentukan tahap pencapaian pengurusan dan perkhidmatan pendidikan khas di sekolah-sekolah bermasalah pembelajaran.

Selain daripada itu Gallagher & Desimone (1995) telah membuat kajian mengenai hasilan RPI dan Rancangan Individu Perkhidmatan Keluarga (*Individualized Family Service Plan*). Mereka mendapati masalah utama ialah dalam penulisan objektif dan keduanya kelemahan hubungan kerjasama ibubapa-guru dalam pembentukan RPI. Pendapat Gallager dan Desimone mengenai kekurangan dan masalah perlaksanaan RPI juga sama dikesan daripada koleksi contoh-contoh (Lihat Lampiran B) hasilan beberapa RPI sekolah rendah bermasalah pembelajaran di Malaysia. Masalah yang dimaksudkan ini meliputi kekurangan pengetahuan atau penglibatan sepenuhnya daripada Jawatankuasa untuk menyediakan RPI. Juga kerana ketiadaan Jawatankuasa RPI, kebanyakan guru secara seorang diri dengan pengetahuan yang terhad (samada terlatih atau tidak) perlu menyediakan RPI dalam keadaan kekurangan maklumat pencapaian terkini pelajar, dan ketiadaan latar belakang neurofisiologikal, kelemahan guru dalam penulisan objektif dan matlamat, serta penulisan program yang tidak lengkap, tiada pernyataan tempat perkhidmatan, serta terhad dari segi bahan rujukan dan penilaian menyebabkan komponen penting RPI tertinggal. Daripada maklumat kelemahan inilah mendorong pengkaji meninjau kedudukan sebenar yang berlaku di sekolah-sekolah berkaitan, dengan mengkaji pandangan guru-guru yang mengajar di sekolah rendah pendidikan khas bermasalah pembelajaran terhadap Rancangan Pendidikan Individu.